



BAYI panda Liang Liang dilaporkan semakin
sihat dan sukar berpisah daripada ibunya.

SELERA makan Liang Liang semakin
bertambah sejak kelahiran bayinya pada 18
Ogos lalu.

Gemar panjat badan Liang Liang, sukar
berpisah daripada ibunya

**Anak panda sihat,
makin aktif**

Kosmo
26/8/2015
ms 7

KUALA LUMPUR - Anak panda gergasi yang memasuki usia lapan hari semakin aktif apabila kelihatan mula memanjat badan ibunya, Liang Liang.

Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly@Rahmat Ahmat Lana berkata, perkembangan positif itu menggembirakan pasukan veterinar kerana menandakan anak panda betina berkenaan berada dalam keadaan sihat.

“Walaupun tidak kerap memanjat badan Liang Liang, anak panda yang masih berwarna merah jambu itu tetap bergerak aktif.

“Liang Liang juga membiarkan anaknya bermain-main pada badannya dan keduanya masih tidak mahu berpisah,” katanya ketika ditemui di Zoo Negara di Hulu Kelang, Selangor semalam.

Rosly berkata, semenjak kelahiran anak panda tersebut, Liang Liang begitu sensitif dengan pergerakan anaknya dan akan mengeluarkan bunyi seakan-akan bimbang dengan sebarang ‘perpisahan’.

“Sewaktu pasukan veterinar memisahkan Liang Liang dan anaknya untuk tujuan pemeriksaan kesihatan dan pembersihan sangkar kuarantin, keduanya mengeluarkan bunyi.

“Perpisahan itu berlaku dalam masa sangat singkat dan sejeurus selesai pemeriksaan kesihatan, Liang Liang akan mengambil anaknya menggunakan mulut dan kembali meletakkan bayinya ke pangkuan dan memeluknya,” kata Rosly.

Menurutnya, perkembangan positif anak panda gergasi itu turut berkait rapat dengan penambahan selera makan Liang Liang.

“Setakat hari ini Liang Liang makan sebanyak tiga kilogram rebung muda berukuran di bawah satu kaki bersamasama lobak merah, air garam dan glukos.

“Permintaan rebung muda juga tidak mendatangkan masalah kepada pihak zoo kerana bekalan rebung bersaiz tersebut mudah didapati dan kami gembira berjaya menambahkan selera makan Liang Liang,” katanya.

Tambah beliau, corak pemakanan konsisten menyebabkan Liang Liang



KERATAN *Kosmo!* 19 Ogos 2015.



ROSLY

tidak mengalami masalah membekalkan susu badan yang cukup kepada anaknya.

Katanya, pasukan veterinar kerap menjaga lebih susu dihasilkan Liang Liang kerana khuatir lebih susu akan menyebabkan puting susu Liang Liang tersumbat.

“Kami tidak mahu masalah ketulan susu itu menjadi punca perubahan sikap Liang Liang terhadap anaknya.

“Pemantauan dilakukan secara bergilir-gilir oleh pasukan veterinar bagi memastikan Liang Liang dan anaknya berada dalam keadaan terkawal dan selamat,” katanya.

Anak panda tersebut yang kini ditempatkan dalam sangkar kuarantin bersama Liang-Liang di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara (GPCC) dijangka dapat dilihat oleh orang ramai dalam tempoh dua bulan lagi.

Liang Liang melahirkan bayinya itu pada pukul 1.45 petang pada 18 Ogos lalu di GPCC.

Pasangan panda gergasi yang sebetulnya dikenali dengan nama Fu Wa dan Feng Yi tiba di Malaysia pada 21 Mei 2014 sebagai simbol jalinan hubungan diplomatik 40 tahun antara Kuala Lumpur dan Beijing.

Kedua-duanya akan berada di negara ini selama 10 tahun.

Liang Liang dan Xing Xing baru menyambut ulang tahun kelahiran kesembilan mereka pada 23 Ogos lalu.

Anak panda yang belum diberi nama itu hanya boleh berada di Malaysia selama dua tahun sebelum perlu dihantar pulang ke China, negara asal Xing Xing dan Liang Liang.